

Kebebasan akhbar terjejas jika DAP berkuasa

23 OCT 1986

Laporan
NAZAR ABDUL
dan
AIRY LIM

SEMUA akhbar di Malaysia mengkritik kerajaan dan mereka mungkin tidak boleh berbuat demikian jika parti seperti DAP menjadi kerajaan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menjawab soalan tambahan Encik Lim Kit Siang (DAP-Tanjung), Perdana Menteri berkata: "Kalau kita ingin cari contoh, ilhamnya datang daripada DAP".

Bagaimanapun, katanya, orang ramai tidak mudah dipengaruhi oleh khabar angin itu.

Kemenangan besar Barisan Nasional dalam pilihanraya umum baru-baru ini, kata Perdana Menteri, menunjukkan majoriti rakyat tidak percayakan khabar angin.

Mengenai dakwaan bahawa Perdana Menteri orang keenam terkaya di dunia, Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan, khabar angin itu berbau politik.

Beliau juga menyelar parti pem-

bangkang seperti DAP yang membantu menyebarkan khabar angin itu.

Menjawab soalan tambahan Haji Ibrahim Ali (BN-Pasir Mas), Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak bercadang menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri ke atas penyebar khabar angin.

Punca

Ketika menjawab soalan asal yang dikemukakan oleh Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan (BN-Bukit Gantang), Datuk Seri Dr Mahathir, berkata kerajaan tidak mempunyai formula khusus bagi mengurangkan kegiatan penyebaran khabar angin mengenai iklim politik dan ekonomi di negara ini di kalangan orang ramai.

Katanya, siasatan ke atas punca penyebaran khabar angin itu sering di buat dari masa ke masa.

"Pihak berkuasa sentiasa menyiasat untuk mencari punca penyebaran khabar angin itu," kata Perdana Menteri.

Tindakan undang-undang, katanya, juga akan diambil jika terbukti.

Menjawab soalan beraingan yang dikemukakan oleh Encik Gooi Hock Seng (DAP-Bukit Bendera), beliau berkata, setakat ini belum ada mana-mana pegawai Badan Pencegah Rasuah dihadapkan ke mahkamah kerana terbabit dengan kes rasuah.

Menjawab soalan tambahan Encik Hu Sepang (DAP-Rasah), Perdana Menteri berkata kerajaan tidak bercadang melantik ahli parti pembangkang bagi menyiasat pegawai Badan Pencegah Rasuah yang terbabit dengan rasuah.

Katanya, badan tertentu dalam kerajaan sudah cukup untuk mengawasi atau menjalankan siasatan ke atas pegawai Badan Pencegah Rasuah sekiranya mereka terbabit dengan rasuah.

"Kerajaan sukar menentukan sama ada tenaga dan kakitangan Badan Pencegah Rasuah itu mencukupi atau tidak," kata Perdana Menteri ketika menjawab soalan tambahan Encik Shahidan Kassim.